

### BAB 3: ZAMAN PRASEJARAH

Halaman 48

#### Catal Huyuk

Catal Huyuk merupakan antara bandar yang pertama dan terbesar di dunia yang terletak di Turki. Kawasan bandar Catal Huyuk seluas 52 ekar dan mula dibangunkan pada tahun 6,500 SM. Penduduk Catal Huyuk dianggarkan berjumlah antara 6,000 hingga 10,000 orang. Catal Huyuk dianggap sebagai contoh terbaik kewujudan bandar pada Zaman Neolitik. Ini kerana penemuan pelbagai artifak di Catal Huyuk berjaya memberikan gambaran jelas mengenai kehidupan masyarakat zaman itu.




Peta menggambarkan kedudukan Catal Huyuk di Turki  
(Sumber: [searchinginhistory.blogspot.com](http://searchinginhistory.blogspot.com))

Salah satu aspek penting mengenai Catal Huyuk adalah wujudnya kawasan petempatan yang tersusun. Rumah satu tingkat di Catal Huyuk dibina dari batu lumpur yang bersambung-sambung di antara satu sama lain dan tidak mempunyai pintu seperti rumah moden. Sebaliknya, orang di Catal Huyuk memasuki rumah mereka melalui bukaan yang dibuat pada bumbung.

Susunan bangunan yang padat hanya dipisahkan dengan kawasan lapang yang bertindak sebagai tempat membuang sampah. Cara binaan ini membolehkan setiap rumah saling menyokong di antara satu dengan yang lain. Ini menjadikannya lebih stabil dan menjimatkan. Malah, kaedah ini membolehkan bangunan terselamat daripada gempa bumi yang kerap berlaku di kawasan tersebut.


Permukaan dinding rumah yang bersambung tidak putus-putus menghalu keluar membentuk satu sistem pertahanan yang berkesan. Musuh yang menyerang terpaksa memecah rumah yang bersambung-sambung tersebut. Ini dianggap sebagai kaedah pertahanan yang sangat berkesan ketika itu.

Oleh kerana bentuk petempatan sebegini rupa menyebabkan pelbagai aktiviti dijalankan di atas bumbung rumah. Maka, tidak hairanlah jika kalangan sarjana mentafsirkan perancangan bandar Catal Huyuk unik kerana ia tidak mempunyai jalan utama sebagaimana bandar-bandar purba yang lain.



Gambaran keadaan rumah di Catal Huyuk yang menunjukkan penghuninya memasuki rumah melalui bumbung.

(Sumber: beingheresite.wordpress.com)



Catal Huyuk Town

Catal Huyuk bukan sahaja sangat penting kerana adanya kawasan petempatan yang tersusun malahan pelbagai penemuan di Catal Huyuk memberikan gambaran jelas mengenai kehidupan masyarakat ketika itu. Ini termasuklah pelbagai hasil tembikar, penternakan haiwan, pertanian, dan menenun kain untuk membuat pakaian.

Pelbagai patung yang diukir juga telah ditemui dan ditempatkan di dalam bilik yang pada pandangan ahli arkeologi dan sejarah dijadikan sebagai bilik pemujaan. Keadaan ini secara langsung menunjukkan bahawa masyarakat Zaman Neolitik telahpun berpegang kepada kepercayaan yang tertentu.

Kepercayaan ini mempunyai kaitan dengan haiwan kerana imej dan objek haiwan ditemui dalam jumlah yang agak banyak di dalam bilik pemujaan tersebut termasuklah patung imej manusia yang diapit dengan dua ekor singa dan kepala kerbau.



Antara patung yang ditemui di bilik pemujaan di Catal Huyuk. Patung manusia yang diapit dengan dua ekor singa.

(Sumber: <http://www.newworldencyclopedia.org>)



Kepala kerbau yang ditemui dalam bilik pemujaan di Catal Huyuk  
(Sumber: <http://www.newworldencyclopedia.org>)



Catal Huyuk Shrine Room

Suasana bilik pemujaan di Catal Huyuk  
(Sumber: [realhistoryww.com](http://realhistoryww.com))

Selain itu, masyarakat Neolitik di Catal Huyuk juga membuat tembikar. Tembikar yang ditemui masih tidak mempunyai corak dan tidak dilicinkan. Pembuatan tembikar dijalankan di luar rumah mereka.



Tembikar di Catal Huyuk  
(Sumber: [www.catalhoyuk.com](http://www.catalhoyuk.com))

Penemuan cincin yang diperbuat daripada tulang yang merupakan sebahagian daripada perhiasan yang dipakai oleh masyarakat pada ketika itu.



Cincin daripada tulang haiwan  
(Sumber: <http://www.ancient-wisdom.com>)

Penemuan pelbagai tulang haiwan di Catal Huyuk menunjukkan penduduk telah menjalankan aktiviti penternakan haiwan. Ini secara langsung menepati ciri kehidupan masyarakat Neolitik. Antara tulang haiwan yang ditemui ialah kambing, lembu, khinzir dan biri-biri. Masyarakat Catal Huyuk juga didapati menjalankan aktiviti memburu kerana adanya tulang rusa dan elk serta pelbagai jenis burung.



Tulang haiwan di Catal Huyuk  
(Sumber: <http://www.smm.org>)

Tulang-tulang haiwan ini juga digunakan oleh masyarakat Catal Huyuk untuk membuat peralatan mereka seperti yang ditunjukkan dalam gambar di bawah.



(Sumber: [www.pptpalooza.net](http://www.pptpalooza.net))

Berdasarkan perbincangan, didapati Catal Huyuk merupakan antara lokasi Zaman Prasejarah yang sangat penting. Catal Huyuk berjaya menunjukkan corak hidup masyarakat Zaman Neolitik.

### Senarai Rujukan

1. Wan Abdul Rahman Latif (et.al), Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
2. Esmond Wright (ed.), The Ancient World, London: Hamlyn, 1979.
3. Roshen Dalal, The Compact Timeline History of the World, Cambridge: Worth Press, 2010.
4. Rupert Matthews, Ancient World, Essex: Miles Kelly Pub., 2007.
5. "Catal Höyük", The Science Museum of Minnesota, <http://www.smm.org>.
6. "Catal Höyük", <http://blog.education.nationalgeographic.com>.
7. "Catal Höyük", [www.britannica.com](http://www.britannica.com)